

# Mudahkan syarat pengambilan pekerja – MPP

**KUALA LUMPUR** – Pihak majikan digesa untuk melonggarkan syarat pengambilan pekerja agar memudahkan graduan untuk mendapatkan pekerjaan tanpa menunggu terlalu lama untuk memasuki industri.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Putra Malaysia, Alif Akmal Omar berkata, keadaan akan bertambah sukar apabila ada syarikat yang mengenakan syarat spesifik yang boleh menutup peluang kepada semua pencari kerja.

“Saya bukan mahu menimbulkan sebarang polemik, namun seperti yang diketahui oleh pelbagai pihak, ekonomi Malaysia secara jelas dikuasai oleh kum-

pulan tertentu.

“Oleh itu, kita harapkan agar pengusaha ekonomi boleh memastikan agar tanggungjawab sosial sentiasa dititikberatkan dalam menguruskan perniagaan.

“Kita tidak mahu lagi mendengar sebarang bentuk syarat asas untuk memohon pekerjaan seperti wajib menguasai bahasa Mandarin dengan fasih ataupun perlu mempunyai tempoh pengalaman berkhidmat selama 10 tahun dan lebih,” katanya kepada Kosmo! Ahad baru-baru ini.

Sementara itu, Timbalan Presiden II Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya, Khairul Ameen Mohamad Sabri berkata, tradisi meletakkan pelbagai ke-

mahiran sebagai syarat pengambilan pekerja tanpa menawarkan gaji yang lebih tinggi dan sepadan perlu dibuang.

Menurutnya, setiap kemahiran tambahan yang ada pada graduan perlu dilayan seperti satu nilai tambah dalam menentukan bayaran gaji mereka.

“Seperti mana graduan diminta untuk tidak memilih pekerjaan mereka dan memahami situasi semasa, kami juga meminta agar industri memahami situasi sosioekonomi graduan-graduan baharu ini.

“Mereka hanya ingin meneruskan kelangsungan hidup masing-masing dalam situasi ekonomi kini yang jauh berbeza

berbanding 20 tahun yang lalu,” katanya yang turut menyifatkan pemberian gaji setimpal dengan kemahiran dimiliki graduan adalah satu bentuk keadilan kepada golongan tersebut.

“Setinggi mana peningkatan kemahiran graduan sekali pun adalah tidak bermakna sekiranya industri tidak bersedia untuk menerima mereka masuk ke dalam tenaga kerja dan mengaplikasikan kemahiran masing-masing,” katanya.

Bagi Presiden MPP Kampus Bandar, Institut Teknologi Maklumat Malaysia, Universiti Kuala Lumpur, Asyraaf Syahmie Hasri pula, mereka sedar tentang cabaran yang dihadapi para gra-

duan ketika ini.

Justeru, pihaknya sentiasa mengadakan program-program tertentu seperti keusahawanan bagi memberi nilai tambah kepada mahasiswa UniKL agar mereka bersedia dengan sebarang kemungkinan selepas menamatkan pengajian kelak.

“Antara program yang dilaksanakan adalah pameran kerjaya, yang mana kami menjemput pemain dalam industri untuk memberikan peluang pekerjaan kepada para pelajar.

“Mereka turut memberi ceramah mengenai selok-belok alam pekerjaan agar graduan bersedia menghadapi cabaran di dunia sebenar,” katanya.